



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	30/10/2019
JABATAN	:	SPAN
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

## SPAN pasang pili cekap air di lima surau UM

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memperluas kempen penjimatan penggunaan air terawat melalui pemasangan pili cekap air di Universiti Malaya (UM).

Ia membabitkan kerjasama Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) UM dan Water Warriors UM melalui pemasangan kemudahan itu di lima surau utama dalam universiti berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman, berkata projek itu dilaksanakan melalui Program Rakan SPAN, dengan matlamat utama bagi mengurangkan pembaziran air bersih di kawasan tumpuan awam.

"Keseluruhannya, 120 pili air ditukar kepada pili cekap air yang mengeluarkan sejumlah maksimum dua liter air seminit, berbanding pili konvensional yang mengalirkan lapan sehingga 12 liter setiap minit.

"Dengan adanya usaha ini, pelajar diharapkan dapat menghargai sumber air dan melakukan penjimatan sewajarnya," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Program Rakan SPAN, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Se-

kretariat EkoKampus UM, Prof Dr Sumiani Yusoff; Pengarah JPPHB, Hashbullishman Hashim dan Pengarah Akademi Pengajian Islam UM, Prof Datin Dr Raihanah Abdullah.

Beliau berkata, inisiatif itu bertujuan meningkatkan kesedaran golongan muda terhadap kepentingan penjimatan air serta pemuliharaan sungai sebagai sumber air.

"Kita ingin memupuk kesedaran generasi muda untuk menerapkan sikap penggunaan air secara berhemat melalui penggunaan produk label cekap air.

"SPAN berusaha membentuk sikap anak muda yang mementingkan sungai dan sumber air supaya dapat mengamalkan penjimatan air apabila berkeluarga kelak," katanya.

Sementara itu, Sumiani berkata, sudah menjadi tradisi UM mementingkan aspek pemeliharaan alam sekitar di sekitar kampus.

"Ini juga mampu meningkatkan tahap kesedaran warga universiti untuk menjaga alam sekitar. Kita bukan hanya mahu memastikan pelajar cemerlang dalam bidang akademik, malah berusaha menjadi yang terbaik dalam memelihara alam sekitar melalui penjimatan air," katanya.



Ahmad Faizal bersama Sumiani (dua dari kiri) memeriksa pili cekap air selepas Majlis Pelancaran Program Rakan SPAN, di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Nik Hariff Hassan/BH)